



AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

UNDANG-UNDANG KECIL: KEAHLIAN

SEKSYEN I: Kelayakan untuk Keahlian

1.1 Ahli Biasa:

- a. Ahli Biasa adalah semua penama yang berdaftar sebagai Ahli Biasa yang sah di Daftar Ahli Akademi Profesor Malaysia.
- b. Permohonan menjadi Ahli Biasa dilakukan dengan melengkapkan borang permohonan dan mengemukakan bukti lengkap kepada Majlis bahawa dia layak dipertimbangkan sebagai ahli.
- c. Pemohon hendaklah telah berkhidmat atau dilantik sebagai profesor di mana-mana institusi pendidikan tinggi awam dan swasta di Malaysia.

1.2 Ahli Bersekutu:

- a. Ahli Bersekutu adalah semua penama yang berdaftar sebagai Ahli Bersekutu yang sah di Daftar Ahli Akademi Profesor Malaysia.
- b. Permohonan menjadi Ahli Bersekutu dilakukan dengan melengkapkan borang permohonan dan mengemukakan bukti lengkap kepada Majlis bahawa dia layak dipertimbangkan sebagai ahli.
- c. Pemohon hendaklah telah berkhidmat atau dilantik sebagai Profesor Madya di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta di Malaysia.
- d. Bagi bukan warganegara Malaysia, pemohon hendaklah telah dilantik atau telah berkhidmat sebagai Profesor, atau Profesor Madya di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia.

1.3 Felo:

- a. Felo terdiri daripada semua penama yang berdaftar sebagai Felo yang sah di Daftar Ahli Akademi Profesor Malaysia.
- b. Kemasukan ke taraf Felo hendaklah melalui pemindahan atau peningkatan dari taraf Ahli Biasa.

- c. Calon untuk kemasukan ke taraf ini hendaklah dicadang oleh seorang felo, dipertimbang dan diluluskan oleh Majlis.
- d. Calon hendaklah mengemukakan bukti lengkap kepada Majlis bahawa dia telah dilantik ke jawatan Profesor selama atau lebih dari lima (5) tahun dan telah berjasa besar dalam dunia akademik dan boleh memberi sumbangan signifikan kepada Akademi Profesor.

1.4 Felo Kehormat:

- a. Felo Kehormat terdiri daripada semua penama yang berdaftar sebagai Felo Kehormat yang sah di Daftar Ahli Akademi Profesor Malaysia.
- b. Calon untuk kemasukan ke taraf ini hendaklah dicadang oleh seorang ahli Majlis, dipertimbang dan diluluskan oleh Majlis.
- c. Calon hendaklah terbukti telah memberikan sumbangan yang besar dalam dunia akademik dan boleh memberi sumbangan signifikan kepada Akademi Profesor.

1.5 Felo Ulung Kehormat:

- a. Felo Kehormat Ulung adalah terdiri daripada semua penama yang berdaftar sebagai Felo Ulung Kehormat yang sah di Daftar Ahli Akademi Profesor Malaysia.
- b. Calon untuk kemasukan ke taraf ini hendaklah dicadang oleh seorang ahli Majlis, dipertimbang dan diluluskan oleh Majlis.
- c. Calon hendaklah terbukti telah memberikan sumbangan yang terbilang dalam dunia akademik dan boleh menyumbang secara signifikan kepada Akademi Profesor.
- d. Calon hendaklah tergolong dalam kategori tokoh atau orang kenamaan di Malaysia.

SEKSYEN II: Kemasukan, Pemilihan dan Pemindahan

Ahli Biasa, Ahli Bersekutu dan Felo:

- 2.1 Pemilihan dan pendaftaran untuk keahlian Akademi Profesor serta pindahan dalam taraf keahlian dilaksanakan melalui permohonan secara sukarela daripada calon yang layak di bawah Perlembagaan dan Undang-Undang Kecil Akademi Profesor Malaysia. Pemohon mempunyai pilihan untuk mengemukakan permohonan atas talian.
- 2.2 Permohonan menjadi Ahli Biasa atau Ahli Bersekutu hendaklah disokong oleh sekurang-kurangnya seorang Ahli Biasa.

- 2.3 Pemindahan Ahli Biasa ke taraf Felo hendaklah mengikut borang yang ditetapkan oleh Majlis. Permohonan hendaklah disokong oleh tidak kurang dari dua (2) orang Felo, dan diserahkan dengan lengkap kepada Setiausaha Agung, yang kemudiannya akan mengemukakan kepada Majlis untuk pertimbangan kelulusan.
- 2.4 Persetujuan pemindahan Ahli Biasa ke Felo hendaklah melibatkan tidak kurang daripada lapan puluh peratus (80%) daripada jumlah ahli Majlis dan dua pertiga ($\frac{2}{3}$) perlu mengundi menyokong calon.

Felo Kehormat:

- 2.5 Felo Kehormat akan dicadang oleh seorang ahli Majlis yang hadir, dipertimbang dan dilantik di mesyuarat Majlis di mana tidak kurang daripada lapan puluh peratus (80%) daripada jumlah ahli Majlis hendaklah hadir semasa pengundian dan dua pertiga ($\frac{2}{3}$) perlu mengundi menyokong calon.

Felo Kehormat Ulung:

- 2.6 Felo Ulung Kehormat akan dicadang oleh seorang ahli Majlis yang hadir, dipertimbang dan dilantik di mesyuarat Majlis di mana tidak kurang daripada lapan puluh peratus (80%) daripada jumlah ahli Majlis hendaklah hadir semasa pengundian dan kesemua ahli Majlis mengundi menyokong calon.

Keputusan Terhadap Lantikan Majlis:

- 2.7 Semua lantikan Majlis terhadap Ahli Biasa, Ahli Bersekutu, Felo, Felo Kehormat dan Felo Kehormat Ulung adalah muktamad.

Sijil Keahlian:

- 2.8 Setiap ahli yang telah dipilih atau ditingkatkan dan telah membuat pembayaran yang sepatutnya akan menerima Sijil Keahlian atau peningkatannya. Pada Mesyuarat Biasa yang pertama atau acara Akademi Profesor di mana beliau hadir, setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, beliau akan diperkenalkan pada hadirin oleh Presiden atau Pengerusi. Pihak Akademi Profesor juga akan menghebahkan pemilihan keahlian dan peningkatan ahli dimana-mana saluran media yang bersesuaian.
- 2.9 Sijil Keahlian ini hendaklah kekal sebagai harta Akademi Profesor dan sekiranya pemegang itu berhenti menjadi ahli selain daripada kematian, hendaklah atas permintaan dikembalikan kepada Akademi Profesor.